

## **BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan merumuskan dapatan yang diperoleh daripada kajian ini. Di samping itu, penyelidik mengemukakan cadangan untuk dijadikan panduan oleh kaunselor khususnya dan para guru amnya.

### **5.2 Rumusan Dapatan**

Daripada 7 aspek yang dikaji, penilaian para guru terhadap keperibadian kaunselor mencatatkan peratusan tertinggi. Hasil dapatan menunjukkan 72.3% responden bersetuju bahawa kaunselor mempunyai keperibadian yang baik berbanding dengan 27.7% responden yang tidak bersetuju. Ini bermakna kaunselor harus mempunyai keperibadian yang baik supaya pelajar mempercayai dan seterusnya berjumpa dengan kaunselor. Kajian oleh Mhanogaran (1986) dalam kajian soal-selidik ke atas 108 orang pelajar tingkatan empat di Kajang menunjukkan pelajar lelaki berpendapat kaunselor harus jujur, bersikap terbuka dan menerima pelajar. Pelajar perempuan berpendapat kaunselor harus memahami dan mesra terhadap pelajar.

Ini diikuti dengan 69% responden yang bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar menghadapi masalah peribadi berbanding dengan 31% responden yang tidak bersetuju. Kajian oleh Rohana binti Zubir (1974)

yang melibatkan 640 orang pelajar dan 80 orang guru mengkaji pandangan para guru dan pelajar terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan remaja iaitu pelajar yang berumur dari 14 hingga 16 tahun. Dalam kajian ini penyelidik mendapati 57% guru dan 47.9% pelajar berpandangan bahawa hubungan pelajar dengan keluarga merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar. 61.4% guru dan 50.8% pelajar pula berpandangan bahawa hubungan psikologi dan peribadi juga merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar. Daripada 11 masalah yang tersenarai dalam borang soal-selidik, para guru dan pelajar lelaki berpandangan bahawa masalah akademik, kerjaya, penyesuaian terhadap kerja sekolah, bidang pelajaran dan cara pengajaran guru di sekolah merupakan masalah yang paling serius kepada para pelajar. Oleh itu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berperanan membantu pelajar menghadapi masalah peribadi mereka.

Manakala 66% responden bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar menghadapi masalah akademik berbanding dengan 34% responden yang tidak bersetuju. Kajian oleh Rohana juga menunjukkan masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah, masalah akademik, kerjaya, dan cara pengajaran guru di sekolah merupakan masalah yang paling serius. Dalam kajian ini 62.5% guru dan 63.1% pelajar perempuan berpendapat bidang akademik dan kerjaya merupakan masalah serius bagi pelajar. 63.1% guru dan 53.6% pelajar berpandangan bidang akademik dan cara pengajaran guru merupakan di antara masalah serius yang dihadapi oleh pelajar. Dengan itu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling harus memainkan peranannya dalam membantu pelajar yang menghadapi masalah dalam bidang akademik.

62% responden bersetuju bahawa perkhidmatan maklumat kerjaya dapat membantu pelajar berbanding dengan 38% responden yang tidak bersetuju. Dalam kajian yang dijalankan oleh Hushim b. Haji Salleh (1994) ke atas 200 orang pelajar tingkatan empat dari aliran sains, perdagangan dan sastera di Kelang menunjukkan 51.0% pelajar bersetuju dan 49% tidak bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar membuat pemilihan kerjaya mereka. Dengan itu peranan kaunselor adalah penting untuk membekalkan pelajar dengan maklumat kerjaya yang terkini.

Ini diikuti dengan 53% responden yang bersetuju bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mempunyai kemudahan fizikal yang mencukupi berbanding dengan 47% responden yang tidak bersetuju.

Penilaian para guru terhadap pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling mencatatkan peratusan yang terendah. Hanya 52% responden yang berpendapat pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan di sekolah yang dikaji memuaskan berbanding dengan 48% responden yang berpendapat pelaksanaan aktiviti bimbingan dan kaunseling kurang memuaskan.

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa daripada 6 aspek perkhidmatan yang dikaji, para responden berpendapat bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat

membantu pelajar menghadapi masalah peribadi berbanding dengan aspek akademik dan kerjaya.

### **5.3 Penilaian Keseluruhan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling**

**Jadual 12: Penilaian Keseluruhan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling**

	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
Item 1-28	6.0% (7)	60.0% (68)	32.0% (37)	2.0% (2)

Daripada jadual 12 di atas, secara keseluruhannya didapati daripada item 1 hingga 28, 60%(68) responden bersetuju bahawa pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat membantu pelajar di sekolah manakala hanya 6% (7) responden sahaja yang amat bersetuju. 32%(37) responden tidak bersetuju berbanding dengan 2% (2) responden yang amat tidak bersetuju bahawa pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat membantu pelajar. 66% (75) responden bersetuju dan 34% (39) responden tidak bersetuju bahawa pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat membantu pelajar. Ini bermakna bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji dapat memainkan peranannya dalam membantu pelajar. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Gysbers, Hughey dan Starr (1992). 80%

daripada 150 orang guru berpendapat kaunselor berjaya memainkan peranannya dalam merancang aktiviti bimbingan dan kaunseling untuk pelajar.

#### **5.4 Cadangan**

Penyelidik mencadangkan agar kaunselor menyebarkan maklumat tentang peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan lebih meluas dan terperinci di kalangan guru dan pelajar. Kajian mendapati terdapat guru yang tidak memahami peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Para responden berpendapat bahawa mereka kurang pengetahuan dan pendedahan tentang peranan dan objektif khidmat kaunseling di sekolah. Oleh itu para guru dan pihak pentadbir harus diberi kursus kaunseling supaya mereka mengetahui peranan kaunselor dan bagaimana kaunselor dapat membantu pelajar mengatasi masalah pelajar. Kajian oleh Symons (1977) yang meneroka pandangan 20 orang guru bimbingan dan 25 orang pihak pentadbir di 20 buah sekolah mendapati 97.8% daripada guru bimbingan dan pihak pentadbir berpendapat para guru harus diberi maklumat tentang keupayaan, aptitud dan minat pelajar kerana tanpa maklumat ini, para guru tidak dapat membantu pelajar. Symons juga telah mencadangkan kursus diadakan untuk mendedahkan para guru dengan objektif dan aktiviti yang ditawarkan oleh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ini adalah supaya para guru sedar akan tanggungjawab mereka dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Pelajar juga harus dimaklumkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bukan untuk pelajar yang bermasalah sahaja dan terbuka kepada semua pelajar. Kajian oleh Agnes Lau (1995) ke atas 492 orang pelajar di Hong Kong menunjukkan 184 orang pelajar berpendapat perkhidmatan kaunseling adalah untuk individu yang mempunyai masalah sahaja. Pendedahan yang lebih meluas tentang bimbingan dan kaunseling juga perlu supaya pelajar tidak merasakan bahawa kaunseling adalah sesuatu yang asing bagi diri mereka dan bukan untuk individu yang mempunyai masalah sahaja. Lai Kuen Choo (1996) dalam kajiannya ke atas 120 orang pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah di negeri Melaka mendapati 59.2% pelajar sahaja yang sanggup berjumpa dengan kaunselor. Ini menunjukkan para pelajar masih tidak memahami objektif dan fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Program-program yang disediakan oleh kaunselor perlu dicetak dan disebarluaskan di kalangan guru dan pelajar supaya mereka dapat mengetahui dan mengikuti program yang disediakan oleh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Bahan-bahan rujukan juga boleh disediakan untuk rujukan para guru dan pelajar. Kaunselor juga harus mempromosi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dengan mengadakan ceramah dan mengedarkan maklumat terkini mengenai peranan perkhidmatan dan kaunseling di sekolah. Ceramah yang diadakan bertujuan untuk memaklumkan kepada pelajar dan guru tentang jenis-jenis perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan di sekolah. Dalam menyebarkan maklumat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, lebih banyak aktiviti bimbingan dan kaunseling harus dijalankan di sekolah

dan aktiviti tersebut harus melibatkan guru tingkatan. Kajian oleh Nasruddin Mohamed (1993) ke atas 201 orang penuntut diploma Institut Teknologi Mara (ITM) menunjukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah penting dan diperlukan oleh pelajar untuk mengatasi masalah pelajar dalam bidang akademik, peribadi dan kerjaya. 78.1% responden menganggap bengkel motivasi berguna untuk para pelajar manakala 67.7% responden berpendapat perkhidmatan bengkel kerjaya berguna kepada diri mereka. Dengan itu kaunselor harus menambah aktiviti bercorak akademik dan kerjaya seperti kursus motivasi dan ceramah berbentuk akademik untuk manfaat pelajar.

Kajian oleh Kek Lian Wah (1997) untuk menilai keberkesanan Program Pendedahan Kerjaya di sebuah sekolah menengah di Kuala Selangor ke atas 40 orang pelajar tingkatan 4 menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan mengenai perancangan kerjaya di kalangan responden yang telah menyertai Program Pendedahan Kerjaya. Sebelum menyertai program ini, 70% pelajar tidak mengetahui kelayakan akademik yang diperlukan untuk mengikuti kursus yang mereka ingin ikuti. 95% pelajar mengetahui kelayakan yang diperlukan selepas menyertai program ini. Kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan mengenai perancangan kerjaya di kalangan responden yang menyertai Program Pendedahan Kerjaya. Program dan aktiviti kerjaya sememangnya dapat membantu pelajar membuat perancangan kerjaya mereka.

#### Conclusion

Dengan tersebarnya maklumat yang lebih terperinci tentang peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, adalah diharapkan para guru akan lebih memahami peranan

perkhidmatan ini. Para guru dapat membantu pelajar mengatasi masalah mereka dan ini secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan di antara guru dan pelajar serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Adalah dicadangkan kaunselor berhubung dengan agensi kerajaan dan swasta untuk mendapat maklumat tentang peluang pendidikan dan kerjaya yang terdapat di pasaran. Ini dapat membantu pelajar membuat perancangan kerjaya dan akademik mereka.

Selain itu, guru yang membantu kaunselor harus diberi kursus bimbingan dan kaunseling supaya guru tersebut dapat membantu kaunselor menyelenggarakan aktiviti bimbingan dan kaunseling yang dijalankan di sekolah dengan lebih berkesan lagi.

Untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kaunselor harus mengajar pelajar dalam kelas. Langkah ini dapat membantu kaunselor memahami suasana pembelajaran dan masalah pelajar. Dengan itu kaunselor dapat berdamping dengan pelajar serta mewujudkan hubungan yang rapat dengan pelajar.

Pertemuan dan interaksi dengan kaunselor dari sekolah lain juga boleh diadakan untuk bertukar pendapat bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Kaunselor perlu mengadakan pertemuan dengan para guru untuk mengetahui masalah pelajar. Kajian oleh Zoyah Haji Nordin (1989) yang melibatkan 16 orang pentadbir, 18 orang kaunselor dan 85 orang guru kanan menunjukkan 65.5% responden berpandangan bahawa guru kaunseling di sekolah mereka dapat bekerjasama dan mempunyai hubungan yang baik dengan para guru. Dengan hubungan yang baik, ini akan memudahkan perbincangan di antara kaunselor dan guru untuk mengetahui sama ada pelajar yang menghadiri sesi kaunseling berubah dari segi tingkahlaku atau tidak.

Kaunselor juga boleh mengadakan peti cadangan di luar bilik kaunseling supaya pelajar dapat memberi cadangan tentang keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji.

## 5.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dengan pandangan daripada para guru, kaunselor, guru dan pelajar dapat berganding bahu dan bekerjasama dalam membantu pelajar di sekolah. Adalah diharapkan kajian yang lebih lanjut dapat dijalankan untuk menilai pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah supaya keberkesanan perkhidmatan ini dapat ditingkatkan.

Program...

John, C. (1975). *A Social Problem of Five Girls in Secondary School*. Pendidikan, 19(1).

John, C.W. (1958). *How to Handle Guidance Lessons*.